



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

CFT 4134
PROJEK PENYELIDIKAN II

SEMESTER SEPTEMBER
SESI 2022/2023

PROJEK PENYELIDIKAN
PERSEMBAHAN KOMPANG DI IPOH PERAK:
SATU ANALISIS PERUBAHAN RENTAK
DAN TEKNIK PERMAINAN

PENSYARAH
PROF MADYA DR RAJA ISKANDAR BIN RAJA HALID

NAMA PELAJAR
SITI NOORALIA BINTI ZAINAL

NO MATRIK
C19A0758



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEMBAHAN KOMPANG DI IPOH PERAK:
SATU ANALISIS PERUBAHAN RENTAK DAN
TEKNIK PERMAINAN**

SITI NOORALIA BINTI ZAINAL

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2023

KELANTAN

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepadamana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) ✓ Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- TERBUK ✓ Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Siti Nooralia binti Zainal

Tandatangan Penyelia

Prof Madya Dr Raja Iskandar bin Raja Halid

Tarikh:

Tarikh:

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayahNYA dapatlah saya menyiapkan tugas yang telah diberikan pada masa yang telah ditetapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Prof Madya Dr Raja Iskandarn bin Raja Halid kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, panduan dan bantuan kepada saya sepanjang menjalankan tugas projek penyelidikan dan juga membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada kedua ibu bapa saya kerana mereka sentiasa mendoakan keberkatan untuk saya menyiapkan tugas ini. Mereka juga banyak menyokong saya dari segenap segi rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugas bermutu ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Ketahuilah segala macam bantuan anda sangat saya hargai.

Semoga jasa kalian dibalas oleh Allah SWT. Sekian terima kasih

KANDUNGAN

PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI FOTO	vii
SENARAI CARTA	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.6.1 Individu	11
1.6.2 Masyarakat	11
1.6.3 Intitusi Pendidikan	11
1.7 Definisi dan Rangka Konsep	12
1.7.1 Seni Persembahan	13
1.7.2 Muzik Tradisional	14
1.8 Kesimpulan	15

BAB DUA: SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	16
2.1 Kajian Literatur	16
2.1.1 Muzik Kompang	17
2.1.2 Seni Persembahan di Negeri Perak	21
2.1.3 Perubahan Warisan Budaya Tidak Ketara	24
2.2 Kesimpulan	24

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	26
3.1 Rekabentuk Kajian	27
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	28
3.2 Sumber Kajian	28
3.2.1 Data Primer	28
a) Pemerhatian dan Turut Serta	29
b) Temubual	29
c) Penggunaan Kamera dan Rakaman	30
3.2.2 Data Sekunder	30
a) Kaedah kepustakaan	31
b) Kajian daripada rakaman video	31
3.3 Kerangka konsep / teori	32
3.4 Kesimpulan	32

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.1 pengenalan	33
4.1.1 Konsep Muzik dalam persembahan	34
4.1.2 Pasukan kompang Noreasy, Ipoh	37
4.2 Struktur persembahan	39
4.3 Perubahan elemen persembahan kompang pada masa kini	42
4.3.1 Pukulan dan paluan	42
4.3.2 Pukulan dan lagu	47
4.4 Perubahan elemen dalam persembahan kompang	50
4.5 Persepsi masyarakat terhadap perubahan rentak dan teknik permainan dalam persembahan kompang	52
4.6 Kesimpulan	59

BAB LIMA: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	60
5.2 Cadangan	61
5.2.1 Individu	61
5.2.2 Kerajaan	62
5.2.3 Kementerian Pendidikan	62
5.3 Kesimpulan	63

RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI	64
--------------------------------	----

LAMPIRAN	66
-----------------	----

SENARAI RAJAH

- 1.1 Rajah 4.5.2 : Responden Jantina
- 1.2 Rajah 4.5.3 : Umur Responden
- 1.3 Rajah 4.5.4 : Bangsa Responden
- 1.4 Rajah 4.5.5 : Asal Lokaliti Responden
- 1.5 Rajah 4.5.6 : Peratusan persepsi masyarakat dalam perubahan rentak dan teknik dalam persembahan kompang

SENARAI JADUAL

- 1.1 Jadual 4.5.2 : Responden Jantina
- 1.2 Jadual 4.5.3 : Umur Responden
- 1.3 Jadual 4.5.4 : Bangsa Responden
- 1.4 Jadual 4.5.5 : Asal Lokaliti Responden
- 1.5 Jadual 4.5.6 : Peratusan persepsi masyarakat dalam perubahan rentak dan teknik dalam persembahan kompang

SENARAI FOTO

- 1.1 Gambar 1: Jenis-jenis Kompang
- 1.2 Gambar 2: Logo Kelab Kompang Gamelan Noreasy
- 1.3 Gambar 3: Cara memegang dan memukul kompang

SENARAI CARTA

- 1.1 Carta 1: Kerangka konsep atau teori
- 1.2 Carta 2: Struktur alir pukulan berarak

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah Negara yang kaya dengan aktiviti kesenian terutamanya persembahan tradisional melayu. Seni persembahan tradisional melayu masih banyak dimainkan dan tidak kurang juga yang hanyut ditelan arus pemodenan yang begitu pesat. Seni persembahan tradisional melayu ini haruslah dikekalkan agar generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai seni persembahan yang terdapat di Negara kita. Seni persembahan kompang merupakan salah satu kesenian yang popular dan masih dimainkan dalam kalangan masyarakat kini. Di setiap negeri mempunyai teknik dan rentak permainan yang tersendiri. Kesenian ini sering dipersembahkan dalam bentuk kumpulan untuk menunjukkan kemantapan sesebuah pukulan itu. Kini kesenian ini mengalami perkembangan dari aspek teknik dan rentak pukulannya sehingga mewujudkan persepsi antara masyarakat mengenai jurang keaslian muzik kompang ini. Namun begitu, dalam aspek perubahan sudah tentunya berlaku penginovasian yang menarik dan ini akan menjadikan muzik kompang itu tidak bosan didengari dan kekal relevan sehingga kini. Oleh sebab itulah kajian ini dilakukan untuk melihat apakah perubahan yang berlaku dalam sesebuah persembahan kompang itu dan persepsi masyarakat terhadapnya.

ABSTRACT

Malaysia is a country that rich in artistic activities, especially Malay traditional performances. Traditional Malay performance art is still widely played and there are also a swallowed away by the current of such rapid modernization. This traditional Malay performance art must be maintained so that future generations can recognize and appreciate the performance art found in our country. The art of kompang performance is one of the popular arts and is still played among the community today. Each state has its own technique and rhythm of the game. This art is often performed in group form to show the solidity of a technique of the kompang playing. Now this art is experiencing development from the aspect of technique and the rhythm of the beat until it creates a perception between the community about the gap in the authenticity of this kompang music. However, in the aspect of change, of course there is an interesting innovation and this will make the kompang music not boring to listen to and remain relevant until now. That is why this study was conducted to see what changes occurred in a kompang performance and the community's perception of it.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Seni, falsafah dan sains adalah elemen penting dalam budaya setiap negara. Elemen ini relevan untuk menentukan corak dan nilai produk budaya. Terdapat beberapa elemen penting yang saling berkaitan iaitu kebenaran, kebaikan, dan keindahan dalam sesebuah karya seni. Sebuah karya seni mempunyai nilai budaya sosial, dan seni murni mempunyai ciri-ciri kebenaran, kebaikan dan keindahan. Untuk membina semangat jati diri dan patriotisme, kesedaran kontemporari perlu dilakukan terhadap sumbangan muzik rakyat terhadap warisan budaya dan identiti sesebuah negara.

Perkembangan warisan muzik tradisional merupakan sebahagian daripada aktiviti kebudayaan yang berpotensi untuk memperkasakan seni warisan tidak ketara di Malaysia. Warisan muzik tradisional amatlah berpotensi untuk diperkembangkan kerana muzik tradisional mempunyai kepelbagaian komposisi muzik yang berbeza seperti muzik rakyat, sinkretik dan muzik istana (Matusky, 2018). Tambahan lagi, menjaga kemurnian sesuatu kesenian bukan bermaksud harus mempertahankan yang lama dalam keadaan sedia wujud, namun kesenian itu perlu mengalami perubahan mengikut perubahan cara hidup masyarakat agar dapat berkembang secara aktif (Asmad, 1990).

Menurut Patricia Matusky (2017), muzik tradisional Melayu boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu muzik rakyat, muzik istana dan muzik sinkretik. Muzik rakyat dimainkan dengan membawa konsep kehidupan dan persekitaran masyarakat yang

sering dilihat dalam masyarakat desa dan petani. Perkembangan tradisi muzik ini di peringkat masyarakat dipengaruhi oleh minat masyarakat itu sendiri.

Selain itu, alat muzik tradisional merupakan sebahagian daripada khazanah warisan tidak ketara negara yang sememangnya amat bernilai dan perlu diwarisi dari zaman berzaman. Sebagai contoh, persembahan kompang yang mempunyai keunikan pukulan dan rentaknya yang tersendiri. Maka, pelestarian alat muzik ini amatlah wajar untuk dihasilkan kerana ia mempunyai keistimewaan yang mampu menjadi pemangkin dalam mengekalkan warisan sesebuah tradisi muzik itu akan kekal dikenali walaupun melalui peredaran zaman yang kian membangun dan moden.

Alat muzik tradisional kompang merupakan antara salah satu alat bunyian tradisional yang tergolong dalam kumpulan alat muzik kategori membranofon iaitu bunyian yang dihasilkan daripada pukulan pada kulit yang diregangkan. Menurut Anwar Wahab (2017), muzik kompang ini dipercayai berasal dari timur tengah berdasarkan bentuknya yang sama dengan hadrah iaitu alat muzik yang terdapat di negara Arab.

Perkembangan dari aspek rentak dalam sesebuah persembahan kompang telah menjadikan muzik ini kekal digunakan sehingga kini dan mempunyai identiti sesebuah rentak itu dengan tersendiri. Tambahan juga, inovasi pelbagai rentak juga menjadikan muzik kompang ini menarik untuk dijadikan kajian. Penginovasian atau perubahan rentak kompang ini telah dipergiatkan oleh pelbagai gerakan atau persatuan kebudayaan yang tujuannya adalah untuk memartabatkan lagi warisan kompang ini dan sekaligus menjadikan ia kekal relevan sehingga kini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kompang merupakan alat muzik tradisional yang mula dimainkan di Arab yang dahulunya berfungsi dalam memainkan alunan seperti selawat dan pujipujian terhadap Rasulullah S.A.W. Kompang dipercayai dibawa masuk ke Tanah Melayu ketika zaman Kesultanan Melaka pada kurun ke- 14 oleh pedagang India Muslim sebagai alat penghibur dan tanda ketibaan kapal mereka di perairan Selat Melaka. Muzik kompang seterusnya dimainkan kepada sultan sebagai hadiah dan pemberitahuan tentang kehadiran mereka di Melaka pada waktu itu. Kemudian, permainan ini diajar kepada para pembesar istana dan akhirnya diajarkan kepada rakyat jelata (Erwan Sulaiman, 2011).

Pada zaman dahulu, Alat muzik kompang digunakan oleh pedagang Arab untuk menarik perhatian pembeli dengan mengalunkan irama dan rentak pada pukulan kompang. Namun, setelah mengikut arus pemodenan, muzik kompang telah dimainkan oleh para pemuzik untuk pelbagai acara dan banyak pemuzik yang arif dalam bidang muzik mencipta pelbagai rentak pukulan demi menjadikan muzik kompang itu kekal relevan dan lebih sistematik untuk dipelajari oleh para masyarakat yang ingin mempelajari permainan kompang ini.

Pada masa yang sama, terdapat fakta sejarah yang mengatakan muzik kompang telah dibawa masuk oleh masyarakat dari Tanah Jawa yang berlayar ke Johor pada kurun ke-13. Kompang juga dikenali sebagai “dufuf” di Asia Barat manakala masyarakat Indonesia mengenali kompang sebagai rebana atau terbanggan. Alat muzik ini telah mula diperkenalkan kepada masyarakat dalam

pelbagai acara keramaian dan setelah itu alat muzik ini makin dikenali dan telah menjadi salah satu aktiviti kebudayaan dan kesenian di sesuatu tempat. Alat muzik Kompang juga sangat dikenali di Negeri Johor, Selangor dan Perak. Kini, permainan alat muzik kompang ini telah diiktiraf oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan muncul pelbagai persatuan yang bergiat aktif dalam bidang muzik tradisional kompang ini demi meneruskan legasi kesenian kompang di Malaysia.

Alat muzik tradisional ini merupakan alat yang terdiri dalam muzik pengendangan dimana dikategorikan dalam kumpulan membranofon iaitu gendang satu muka. Ia boleh dilihat menerusi dua bahagian utama iaitu bahagian hadapan (muka) dan bahagian belakang. Reka bentuk kompang mempunyai baluh 'berbingkai' yang diperbuat daripada kayu jenis keras iaitu kayu seperti kayu cengal, halban dan nangka atau nama saintifiknya *Artocarpus heterophyllus*. Belulangnya pula diperbuat daripada kulit kambing betina kerana ia agak nipis supaya dapat mengeluarkan bunyi yang nyaring dan bergema. Belulang daripada kulit kambing dipasang pada permukaan muka kompang dengan menggunakan bahan pelekat dan kemudian ditindih dengan paku supaya dapat memperoleh ketegangannya lebih baik.

Kompang yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara ini telah bertapak dan giat dimainkan di seluruh Malaysia. Kelangsungan warisan kompang ini giat dijalankan dan dilatih sejak dari bangku sekolah lagi. Hal ini kerana, warisan umumnya bermaksud tradisi atau adat yang diperturunkan demi kesinambungan sesebuah warisan itu. Menurut Peter Howard, warisan bermaksud

legasi atau harta yang ingin dilestarikan atau disampaikan kepada generasi seterusnya. Akta Warisan Kebangsaan (2005) telah menyatakan bahawa warisan tidak ketara dapat dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu sastera seperti gurindam, pantun, peribahasa, lirik lagu dan kemudian dalam aspek seni persembahan seperti lakonan, muzik, nyanyian dan banyak lagi. Maka, dapat diringkaskan bahawa seni persembahan kompang merupakan sebahagian daripada warisan tidak ketara di Malaysia dan juga giat dipersembahkan di negeri Perak.

Negeri Perak yang merupakan negeri yang dahulunya kaya dengan khazanah asli dan pelbagai warisan turun temurun yang tidak ternilai harganya. Menurut Sulong (2013), terdapat pelbagai warisan tidak ketara yang masih dipelihara oleh para pengiat warisan seperti kesenian silat, tarian, muzik dan banyak lagi. Negeri Perak terbahagi kepada dua belas daerah utama. Kawasan kajian ini terletak di daerah Ipoh yang merupakan ibu negeri Perak. Ipoh yang dikenali dengan gelaran "Bandar Bunga Kertas (Bougainvillea)", bandar ini terletak di sebuah perkampungan Melayu yang ada di sekitar tebing Sungai Kinta sekitar 100 tahun yang lalu. Bandar ini boleh dikatakan unik kerana ianya dikelilingi oleh bukit-bukit batu kapur dan diapit oleh Banjaran Titiwangsa di sebelah timur dan Gunung Keledang di sebelah barat. Walaupun Perak dikatakan bandar umum bagi negeri Perak, namun kesenian di dalamnya tetap giat dijalankan oleh pihak atau persatuan kebudayaan, sama seperti kesenian kompang yang giat dimainkan di bandar Ipoh, Perak.

Terdapat beberapa jenis kompang yang sering digunakan oleh pemain kompang antaranya kompang asli iaitu kompang yang diperbuat daripada kulit kambing betina, kulit lembu, kerbau, kompang x-ray dan kompang kerincing.

kompang boleh diperolehi dalam saiz yang berlainan mengikut umur tertentu. Antara saiz kompang mengikut umur pemain adalah seperti berikut 30 cm untuk umur 12 tahun ke bawah, 32.5 cm untuk 13 hingga 14 tahun, 35 cm untuk 15-16 tahun dan 37.5 dan 40 cm untuk orang dewasa. Kesesuaian saiz kompang ini adalah mengikut keselesaan pemain kompang untuk menghasilkan kualiti paluan kompang yang dihasilkan.

Seterusnya, ketegangan pada permukaan kompang akan dilaras dengan menggunakan sedak iaitu rotan bersaiz kecil atau wayar yang diletakkan antara belulang dan baluh, sedak ini berfungsi untuk menegangkan bahagian belulang supaya kesedapan bunyi kompang dapat dikeluarkan apabila dipalu. Kompang biasanya berukuran 16 inci ukur lilit dan ditutup dengan kepingan kulit pada sebelah permukaan. Ia mempunyai bukaan cetek sebagai memudahkan pemain kompang untuk memegang alat muzik kompang tersebut (Erwan Sulaiman, 2011).

Kumpulan kompang terdiri daripada pelbagai mazhab, sama ada moden atau tradisi. Di antaranya yang paling dikenali adalah kompang Ezhar (Negeri Selangor), Hadrah (Negeri Perak), Kelalang (Negeri Melaka), Sinar 12, 5 Beradik dan banyak lagi. Bagi seni pukulan moden pula terdapat Kompang Irama, dan Kompang Keretapi. Selepas itu muzik kompang ini berkembang ke serata negeri di seluruh Malaysia dan pelbagai Kumpulan dan persatuan ditubuhkan untuk menarik minat para belia dan remaja untuk melibatkan diri dalam permainan muzik tradisional selain dapat mengekalkan kemasyhuran muzik kompang ini.



Kompang Asli



Kompang X-ray



Kompang Kerincing

Gambar 1.1: Jenis –jenis Kompang

Sumber: Google

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Permasalahan Kajian

Untuk mengenali dengan lebih baik terhadap warisan kompang ini, kajian terhadap elemen rentaknya harus dijalankan kerana muzik kompang secara asasnya dikenali melalui bunyi pukulan dan rentaknya yang mempunyai kepelbagaian dan keistimewaan yang tersendiri. Terdapat beberapa perkara yang menjadi permasalahan dalam kajian ini yang memerlukan penelitian oleh pengkaji dimana pada masa kini muzik kompang kurang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat walaupun ia giat dimainkan dalam sesebuah upacara. Hal ini juga disebabkan oleh kurangnya aktiviti kesenian kompang di sesebuah kawasan iaitu hanya terdapat di beberapa tempat sahaja yang hanya ada muzik kompang. Maka, ini akan menyebabkan terdapat persepsi masyarakat yang mengatakan kompang ini sudah jarang dimainkan sehingga menyebabkan tiadanya golongan muda yang ingin bermain kompang.

Selain itu, pemerksaan di dalam muzik tradisional didapati kurang dititikberatkan dalam kalangan golongan muda iaitu mereka tidak berminat untuk mempelajarinya malah golongan muda kini lebih memilih untuk mempelajari muzik moden. Rentak muzik kompang yang telah lama digunakan menjadi faktor sesetengah golongan muda tidak berminat untuk mempelajarinya. Hal ini kerana, rentak dahulu atau rentak tradisi tersebut sudah lama dimainkan dan muzik kompang juga kini lebih mudah diakses untuk digunakan di dalam sesebuah upacara keramaian. Maka, golongan ini akan mengandaikan bahawa alat muzik kompang ini tidak perlu lagi dipelajari sehingga menyebabkan terhapusnya atau terhakisnya warisan muzik kompang ini.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu:

1.3.1 Apakah struktur persembahan di dalam permainan kompang?

1.3.2 Adakah terdapat perubahan rentak dan teknik permainan di dalam persembahan kompang pada masa kini?

1.3.3 Bagaimanakah persepsi masyarakat mengenai perubahan rentak dan lagu dalam persembahan kompang?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian.

Antara objektif kajiannya adalah:

1.4.1 Mengkaji struktur persembahan di dalam permainan kompang

1.4.2 Mengenalpasti perubahan rentak dan teknik permainan di dalam persembahan kompang pada masa kini

1.4.3 Mengenalpasti persepsi masyarakat mengenai perubahan rentak dan lagu dalam persembahan kompang

1.5 Skop Kajian

Kajian yang akan dijalankan bertujuan untuk melestarikan warisan muzik kompang dengan cara mengkaji perubahan rentak muzik kompang dalam sesebuah persembahan dan mengkaji persepsi masyarakat dalam perubahan rentak muzik dalam konteks persembahan. Pengumpulan data tertumpu kepada bahan kajian bertulis iaitu kajian mengenai aspek rentak muzik kompang yang bermula pada rentak tradisi, rentak moden sehingga perkembangan rentak yang direka khas oleh para pengiat kompang.

Selain itu, kajian juga berfokus kepada para penggiat muzik kompang iaitu dari pelbagai lapisan umur dan tahap kemahiran mereka dalam permainan muzik ini. Pengkaji akan memberi tumpuan kepada persatuan muzik kompang yang telah lama bergiat aktif di Ipoh, Perak iaitu salah satunya adalah Kumpulan Kompang Noreasy yang hampir 10 tahun bergiat aktif di dalam persembahan kompang.

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif seperti temubual dan pemerhatian di kawasan kajian di mana pengkaji akan bersama-main mempelajari dan bermain kompang di samping mengkaji gaya pukulan dan rentak yang dimainkan oleh pemain kompang. Oleh itu, pengkaji akan menumpukan kajian ini dalam kalangan pemuzik kompang di Ipoh, Perak dengan menyentuh aspek perubahan dan perkembangan lagu serta rentak muzik kompang dan seterusnya mengkaji elemen perubahan kesenian muzik kompang dalam konteks persembahan.

1.6 Kepentingan Kajian

1.6.1 Individu

Dengan adanya kajian tentang Kompang ini, ia dapat memberikan suatu gambaran yang jelas kepada individu mengenai permainan dan persembahan kompang. Hal ini kerana, walaupun muzik kompang masih dipersembahkan di beberapa tempat namun jika tidak dilestarikan warisan ini mungkin akan hilang dan mengakibatkan ia kurang mendapat perhatian oleh masyarakat. Dengan adanya kajian ini, ia sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan sumber maklumat kepada individu dan pengkaji sendiri dalam mengetahui penggubahan muzik dari aspek rentak dan melodi dalam persembahan kompang.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan penyelidikan ini adalah ilmu kajian yang dapat membantu pesembahan Kompang untuk terus bertapak dan menghiburkan masyarakat pada masa kini. Hal ini kerana, segelintir masyarakat pada masa kini tidak berminat dalam melibatkan diri dalam mempelajari sesebuah warisan budaya itu dan menganggap muzik kompang hanyalah muzik kuno dan mudah dimainkan kerana hanya semata memukul pada permukaan kulit kompang, namun muzik kompang ini mempunyai pelbagai jenis pukulan yang perlu dipelajari oleh pemain dan setiap pukulan itu mempunyai bunyi rentak yang berbeza.

1.6.3 Institusi Pendidikan

Dengan adanya kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai rujukan ilmiah kepada para pelajar yang berminat terhadap seni persembahan kompang. Ini akan memudahkan para pelajar untuk mendapatkan maklumat dan sumber rujukan berkaitan muzik kompang.

1.7 Definisi Kata Kunci

Sesuai penyelidikan itu melibatkan kerangka pemikiran tentang sesuatu permasalahan. Oleh itu, kata kunci utama yang diguna pakai dalam sesuatu penyelidikan perlu dihuraikan dengan lebih jelas terlebih dahulu. Penyelidik perlu memahami dan mengaplikasikan kata kunci tersebut dalam kajian yang akan dijalankan supaya dapat memastikan para pembaca memahami setiap aspek yang telah diterangkan dalam kajian yang akan dilakukan. Penggunaan kata kunci yang digunakan perlulah selaras dengan bidang dan tujuan kajian yang akan dijalankan.

Definisi bermaksud kenyataan yang paling ringkas tentang makna sesuatu perkara yang akan dikaji. Pengkaji perlu merujuk kepada kata kunci yang telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang dianggap mempunyai kepakaran dalam bidang kajian yang telah dipilih. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah menggunakan beberapa kata kunci iaitu Seni Persembahan dan Muzik Tradisional.

1.7.1 Seni Persembahan

Dalam sejarah seni persembahan melayu, beberapa sarjana etnomuzikologi seperti Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng menyatakan bahawa seni persembahan tradisional di Malaysia pada masa kini telah melalui proses pengaruh akulturasi dan asimilasi sehingga terbentuk pelbagai genre seni persembahan Melayu seperti seni persembahan tradisional, seni rakyat, seni kontemporari, seni popular dan sinketik. Kebanyakannya telah melalui proses perkembangan atau perubahan secara berperingkat yang dipengaruhi oleh penyebaran agama seperti Hindu, Buddha, Islam dan Kristian. Beberapa pendapat sejarawan mengatakan bahawa perkembangan seni persembahan ini juga telah dibawa oleh pedagang yang mengunjungi Nusantara sejak awal Masihi lagi.

Seni persembahan ini merangkumi nilai kreativiti manusia yang dipertontonkan kepada khalayak umum. Seni persembahan sentiasa mengutamakan penyampaian dengan adanya ciri pentas, pemain dan pengolahan seperti tarian, nyanyian, muzik serta banyak lagi. Tambahan lagi, bidang ini berasal dari ritual pemujaan yang dahulunya merupakan medium untuk berkomunikasi dengan semangat yang dipercayai telah mengawal kehidupan mereka. Ritual pemujaan ini dimanifestasikan melalui bunyi, pergerakan dan beberapa bacaan. Namun begitu, aktiviti pemujaan ini semakin lama semakin tidak relevan kerana masyarakat kini menganggap ia merupakan amalan khurafat yang tidak wajar dijalankan.

Melalui peredaran masa, seni persembahan telah berkembang daripada sebuah karya estetik kepada produk komersial. Muzik tradisional merupakan salah satu bidang yang dikategorikan dalam bidang seni persembahan. Irama, melodi dan

rentak yang dialunkan melalui permainan sesebuah alat muzik itu mampu menghasilkan seni dengan cara yang tersendiri agar seni itu kekal relevan.

1.7.2 Muzik Tradisional

Musik tradisional merupakan muzik yang lahir dan berkembang daripada kebudayaan atau warisan sesebuah daerah dan kemudiannya diwariskan secara turun temurun sehingga berlakunya penyebaran ke daerah yang lain. Menurut Wisnawa (2020), muzik tradisional dapat didefinisikan kepada dua kata kunci iaitu muzik yang berasal daripada nama dewa mitologi Yunani iaitu Mousa yang bermaksud memimpin ilmu dan pengetahuan manakala tradisional bermaksud 'traditio' di dalam Bahasa latin iaitu kebiasaan masyarakat yang bersifat turun temurun. Muzik tradisional dikenali juga sebagai muzik asli yang awalnya mempunyai pengaruh adat istiadat, kepercayaan serta ciri-ciri yang berkait dengan keistimewaan warisannya yang tersendiri.

Dalam melaksanakan upacara atau majlis adat tertentu, masyarakat seringkali menggunakan muzik tradisional sebahagian daripada hiburan untuk disajikan kepada orang ramai. Muzik tradisional juga berfungsi sebagai pengiring sesebuah tarian seperti muzik ensembel gamelan yang mengiringi tarian joget gamelan. Antara muzik tradisional dan tarian biasanya telah memiliki keselarasan, sehingga terlihat sempurna dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Terdapat beberapa alat muzik yang sudah tidak asing lagi muzik tradisional dimana alatan ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu alatan perkusi seperti rebana,

gendang, kompang dan banyak lagi. Kemudian, alatan idiofon seperti caklempong, gong, bonang, saron dan banyak lagi manakala terdapat juga alatan erofon seperti serunai. Kebiasaannya sesebuah ensembel muzik tradisional itu dibawakan oleh beberapa pemuzik yang terlatih supaya mampu menyajikan muzik yang berkualiti. Antara ensembel muzik tradisional yang masih dimainkan pada masa kini adalah ensembel dikir barat, wayang kulit, gamelan, nobat, caklempong, kompang dan banyak lagi.

1.8 Kesimpulan

Seni persembahan merupakan suatu hiburan bagi masyarakat. Setiap seni persembahan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Oleh itu, warisan tradisi melayu harus dipelihara agar generasi akan datang dapat menonton dan mengetahui seni persembahan tradisi melayu supaya ia tidak mengalami kepupusan. Seni persembahan boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kepada keunikan yang dimiliki oleh masyarakat melayu yang kaya dengan bakat dan kebolehan dalam melakukan sesuatu seni persembahan.

Di dalam bab satu ini telah membincangkan secara menyeluruh mengenai kajian yang akan dilakukan seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Berdasarkan apa yang dikaji dan seterusnya hasil kajian ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Dari pembacaan dan kajian ilmiah yang dilakukan pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap muzik kompang ini. Dari sebuah tesis yang dibaca, pengkaji mendapati tesis tersebut telah mengkaji elemen muzik kompang dalam aspek organologi iaitu dari pandangan alat muzik itu sendiri. Setelah membuat penelitian, pengkaji mendapati terdapat beberapa lopongan dalam kajian tersebut. Pengkaji juga membuat pembacaan dari artikel-artikel akhbar untuk mendapatkan maklumat yang lebih banyak. Sorotan kajian ini melibatkan kajian yang telah dilaksanakan oleh beberapa sarjana atau dikenali sebagai kajian lepas. Dalam kajian mengenai muzik kompang, terdapat beberapa kajian lepas yang telah dikaji oleh para pengkaji dalam bidang muzik dan seni persembahan.

2.1 Kajian Literatur

2.1.1 Muzik Kompang

Kajian mengenai muzik kompang telah dilaksanakan oleh Mohd Hassan Abdullah (2005) melalui tesis PhD beliau yang bertajuk *Kompang: An Organological and Ethnomusicological Study of a Malay Frame Drum*. Kajian yang dilaksanakan di Newcastle University ini mengkaji mengenai bagaimana kompang, yang diadaptasi

daripada budaya Arab/Islam, memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan budaya Melayu. Menggunakan gabungan pendekatan muzikologi dan etnografi, penulis mendedahkan fakta sejarah serta menganalisis aspek organologi instrumen. Keunikan muzik kompang didedahkan melalui analisis muzikologi, mengikut tiga jenis ensemble kompang yang dipersembahkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Menurut Hassan Abdullah (2005), persembahan kompang pada masa itu tidak diambil kira sebagai hiburan bagi kebanyakan rakyat terutamanya mereka yang menetap di sesebuah kawasan di semenanjung Malaysia. Ini kerana mereka lebih terdedah kepada jenis hiburan muzikal yang lain seperti bangsawan, live band, teater, berbanding orang kampung. Menggabungkan pemerhatian dan temu bual dengan pengalamannya sendiri belajar cara bermain kompang, penulis menghuraikan tentang amalan persembahan instrumen seperti yang dikemukakan dalam teori etnomuzikologi. Namun begitu, kajian ini tidak menyentuh mengenai perubahan teknik permainan muzik kompang.

Terdapat juga penyelidikan mengenai instrumen muzik kompang tetapi lebih kepada muzik kompang Jawa. Kajian mengenai kompang Jawa yang dijalankan di negeri Selangor ini memberi fokus terhadap kepupusan alat muzik kompang Jawa di mana pengkaji ingin mengkaji mengapa berlakunya kepupusan terhadap muzik kompang ini. Penulisan dalam bentuk buku yang bertajuk Siri Penyelidikan Seni Budaya Selangor Darul ehsan: Kompang Jawa yang ditulis oleh Tuan Syed Mahadzir ini menerangkan mengenai sejarah dan asal usul kompang Jawa, cara bermain dan peranannya. Namun begitu, penyelidikan mengenai muzik kompang di Perak masih kurang dijalankan

Daripada penulisan yang dikaji oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim dan Awaluddin Jahid, kajian mereka ini tidak begitu mendalam kajiannya berbanding kajian yang

dilakukan oleh Mohd Hassan Abdullah. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Hassan Abdullah lebih mengkaji struktur alat muziknya dengan lebih teliti daripada aspek bahan dan pembuatannya. Namun, kajian yang dilaksanakan oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim dan Awaluddin Jahid iaitu mengenai Kompang Jawa ini dikatakan tidak begitu mendalam kerana hanya melihat aspek kepupusan alat muzik itu sahaja.

Selain itu, terdapat kajian mengenai alat muzik kompang yang bertajuk Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang Kanak-Kanak Menggunakan Pendekatan Euritmik oleh Md Jais Ismail, Loo Fung Chiat dan Mohd Sham Kamis. Kajian yang berkaitan alat muzik kompang ini lebih tertumpu kajiannya terhadap aspek kemahiran dalam menyanyi dan bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang memberi pendekatan euritmik iaitu bidang kesenian yang merujuk aspek sistem latihan muzik untuk memahami ritma melalui gerak anggota dalam sesebuah permainan muzik. Melalui kajian ini, intervensi pendekatan euritmik diuji dan membuktikan bahawa ia bukan sahaja meningkatkan kemahiran muzik tetapi juga meningkatkan koordinasi dua kemahiran muzik. Selama ini, kemahiran muzik kebanyakannya diajar secara berasingan, tetapi melalui kajian ini kanak-kanak dapat belajar untuk mengkoordinasikan dua kemahiran muzik yang mendatangkan banyak manfaat terhadap diri mereka. Namun begitu, penyelidikan di dalam aspek perubahan teknik permainan kompang masih belum dilaksanakan.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Siti Mazni Shafie (2007), iaitu kajian bertajuk Penggunaan Kompang Dalam Majlis Adat Istiadat Masyarakat Melayu Negeri Perak ini mengkaji mengenai tradisi kesenian kompang dalam masyarakat melayu. Kajian yang menumpukan kepada adat istiadat masyarakat melayu ini menerangkan mengenai

penggunaan kompang dalam sesebuah upacara iaitu dari aspek fungsi dan kepentingannya. Menurut penulis, semasa upacara-upacara keagamaan, masyarakat Melayu akan memainkan kompang dalam meraikan perkahwinan dan menyambut para pembesar atau orang kenamaan. kompang akan digunakan dan dimainkan semasa upacara-upacara keagamaan masyarakat Melayu yang dijalankan dalam sesebuah kampung atau kawasan. Kajian ini sememangnya telah menyentuh aspek yang dekat kepada masyarakat di negeri Perak, namun begitu kajian ini secara keseluruhannya tidak menyentuh mengenai aspek perubahan dalam permainan kompang di Negeri Perak.

Berbeza dengan kajian yang dilaksanakan oleh Siti Mazni binti Shafie, kajian ini lebih tertumpu kepada masyarakat Melayu di negeri Perak dalam konteks permainan kompang berbanding dengan kajian oleh Md Jais Ismail, Loo Fung Chiat dan Mohd Sham Kamis yang melaksanakan kajian yang memfokuskan pembelajaran alat muzik dalam kalangan kanak-kanak. Daripada kajian tersebut, kemahiran menyanyi sambil bermain kompang dikenalpasti mempunyai kepentingan bukan sahaja untuk meningkatkan koordinasi kanak-kanak malah meningkatkan mutu sesebuah persembahan. Namun begitu, kedua-dua kajian ini tidak menyentuh aspek perubahan dalam teknik permainan muzik kompang mengikut peredaran zaman.

Selain itu, Mohd Hassan Abdullah juga telah melaksanakan kajian mengenai muzik kompang di dalam tesis beliau yang bertajuk *Idiosyncratic Aspects of Malaysian Music: The Roles of the Kompang in Malay Society*. Kajian ini awalnya telah menyentuh mengenai sejarah alat muzik kompang yang berasal dari Arab di mana pedagang Arab membawa alat ini ke Kepulauan Melayu semasa pengembangan agama Islam di Abad ke-13. Kajian ini juga telah menyentuh aspek struktur pada kompang iaitu bermula dari organ

belulang pada kompang sehingga bibir kompang. Teknik persembahan dalam muzik kompang juga ada diceritakan di dalam penulisan ini di mana secara umumnya ia dipersembahkan secara berkumpulan dan penyampaianya juga terbahagi kepada beberapa kategori iaitu secara menyanyi, berzikir dalam paluan kompang dan berzanji. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menyentuh pelbagai aspek dalam muzik kompang, namun kajian ini tidak menyentuh aspek perbandingan repertoire atau penyampaian muzik kompang pada zaman dahulu dan kini.

Menurut Jais Ismail (2020), persembahan kompang pada masa kini kurang diberi perhatian dalam acara kebudayaan melayu termasuk majlis perkahwinan. Berbanding dekad sebelumnya, kompang merupakan instrumen utama yang menjadikan hampir semua acara kebudayaan Melayu sebagai hiburan. Hal ini bertambah buruk apabila sesetengah pihak mendapati bahawa audio kompang boleh menawarkan jalan pintas serta menjimatkan. Situasi ini telah meletakkan jurang yang besar dalam muzik kompang lebih lagi, generasi muda secara progresif akan melupakan seni kompang, kerana mereka menghabiskan lebih banyak masa di media sosial dan pelbagai aktiviti lain. Dalam hal ini, pembelajaran sesebuah seni persembahan seperti kompang ini dapat memberi kepentingan kepada masyarakat dan seterusnya mendidik generasi muda untuk turut serta memartabatkan seni kompang khususnya kepada kanak-kanak. Kesedaran ini amat penting untuk sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian budaya, kerana ia membantu mengukuhkan identiti dan seterusnya mengelakkan kepupusan adat dan budaya.

Kajian mengenai *Institutionalising the Kompang for Primary School Students in Malaysia* yang memfokuskan aspek tatacara permainan kompang dalam kelompok pelajar di sekolah telah merangka aspek pemarkahan dalam menguji teknik permainan kompang

yang dipelajari. Penyertaan pelajar ini telah berfungsi sebagai simbol pengukuhan pelajar berbilang kaum di samping turut bertindak mewujudkan masyarakat yang cintakan budaya kebangsaan dan seterusnya meningkatkan kreativiti dan inovatif dalam pengubasaian rentak dan teknik permainan. Kesimpulannya, kajian- kajian sebelum ini banyak menyentuh mengenai sejarah muzik kompang, struktur kompang serta adat istiadat dalam permainannya. Namun begitu, masih belum terdapat lagi kajian yang menyentuh mengenai aspek perubahan dalam teknik permainan kompang dari segi penyampaiannya.

2.1.2 Seni Persembahan di Negeri Perak

Terdapat juga kajian yang mengkaji seni persembahan di negeri Perak iaitu kajian mengenai Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi yang ditulis oleh Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon, Nor Shuradi Nor Hashim dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan khazanah seni dan mempunyai pelbagai bentuk kesenian seperti tarian, silat dan sebagainya yang masih diwarisi sehingga kini khususnya di kalangan orang-orang Melayu. Oleh itu, terdapat pelbagai kajian yang berkaitan Seni Persembahan telah dijalankan di Perak. Kajian yang dijalankan di kawasan negeri Perak iaitu di sekitar Tanjong Bidara, Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah, Teluk Intan, Perak. Kajian seni persembahan di negeri Perak yang memfokuskan aspek etnomuzikologi ini lebih tertumpu kepada tarian tradisi Perak seperti Tarian Dabus, Tarian Bubu dan Tariah Lotah. Namun begitu, masih tiada lagi kajian seni persembahan yang menyentuh seni persembahan muzik kompang di Negeri Perak.

Selain itu, terdapat kajian di negeri Perak yang dijalankan oleh Nurfarhana Shahira Rosly dan Mohd Sharifudin Yusop iaitu kajian yang bertajuk Analisis Interpretasi Lirik Dabus Yang Diamalkan Oleh Masyarakat di Bagan Serai Perak. Kajian yang menghuraikan tentang mesej dan amanat dalam lirik lagu yang terkandung dalam sesebuah persembahan Dabus di Bagan Serai Perak. Kajian yang bertujuan untuk menyemai kembali semangat cintakan kesenian Melayu ini dilaksanakan bagi mengangkat kembali kesenian dan kegemilangan bangsa Melayu agar ianya tidak pupus ditelan zaman. Kajian yang tertumpu di Bagan Serai, Perak ini telah memperlihatkan wujudnya mesej dan amanat dalam lirik lagu Tarian Dabus yang merungkai hubungan manusia dengan Tuhan, sosiobudaya, keindahan alam, kepahlawanan, pendidikan dan akulturasi kebudayaan.

Kajian mengenai persembahan nobat telah dijalankan di negeri Perak iaitu kajian yang bertajuk *Orang Kalur - Musicians of the Royal Nobat of Perak*. Kajian yang dilaksanakan oleh Dr Raja Iskandar bin Raja Halid ini memfokuskan kajiannya dalam aspek misteri, asal usul, status dan peranan serta pematuhan kepada kepercayaan tradisional dan pantang larang yang mempengaruhi muzik nobat. Kajian ini tertumpu kepada kelompok pemuzik nobat Perak atau dikenali sebagai orang kalur atau orang kalo yang dianggap orang melayu kuno dimana di dalam penulisan tersebut menyatakan bahawa alat muzik nobat hanya boleh dikendalikan dan dipermainkan oleh keluarga melayu kuno ini kerana terdapat kepercayaan yang dikaitkan dengan permainan alat muzik nobat yang boleh menyebabkan penyakit atau kematian jika yang memainkan muzik nobat bukan daripada keturunan orang kalu. Secara ringkasnya, kajian ini lebih memfokuskan aspek kepercayaan, misteri dan adat pada sesebuah seni persembahan di Perak.

Persembahan hadrah juga merupakan seni persembahan yang juga dimainkan di negeri Perak. Seni persembahan hadrah yang dimainkan dalam bentuk berkumpul ini banyak mengalami perubahan dan pengubahsuaian di negeri Perak berbanding hadrah di negeri Kedah dan Perlis iaitu perubahan seperti cara pemakaian, gerak tari dan lagu yang dimainkan. Tambahan lagi, persembahan hadrah ini turut menyelitkan unsur magis yang tidak sesuai dengan ajaran Islam maka pengubahsuaian turut disesuaikan dalam persembahan kumpulan Hadrah Cahaya Bulan di Selama, Perak (Hakimi & Zahir, 2006). Maka, pengadaptasian nilai Islam di dalam seni persembahan hadrah ini bertujuan untuk melestarikan serta memartabatkan pembangunan warisan seni budaya yang berteraskan agama Islam.

Perkaitan antara unsur alam dalam sesebuah persembahan sudah tidak asing lagi kerana isi alam mempunyai hubungan paling akrab dengan manusia dan kehidupan manusia. Menurut Rozimah Bidin, Keakaraban alam dan manusia telah membawa pengaruh dalam penciptaan sastera pantun melayu termasuklah dalam lagu dabus. Kajian yang dijalankan di Perak tengah ini memfokuskan bagaimana penciptaan lirik di dalam sesebuah lagu Dabus itu mampu menggambarkan unsur alam dan pengadaptasian di dalamnya. Dabus yang terkenal di negeri Perak ini dikenali dengan irama seperti nasyid, pantun dan zikir yang dinyanyikan dalam tarian tersebut. Kini, lirik Dabus yang memasukkan elemen atau unsur-unsur alam sambil diselarikan dengan rentak tari telah mengubah persepsi masyarakat dan teknik persembahan para pemuzik dabus.

2.1.3 Perubahan Warisan Budaya Tidak Ketara

Perkataan perubahan sudah semestinya sinonim dengan terma perkembangan. Perkembangan sesebuah warisan itu sememangnya mempunyai perubahan dari zaman dahulu dan kini khususnya dalam aspek warisan tidak ketara. Terdapat penulisan yang mengaitkan tentang perubahan warisan ini iaitu kajian mengenai Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan. Kajian ini dianalisis melalui perspektif sejarah dan antropologi, kajian ini cuba menunjukkan bagaimana proses perubahan dan modernisasi pembuatan tembikar di Perak telah memberi kesan yang amat besar dan mempengaruhi kepada kemerosotan industri tradisional itu. Kajian ini mendapati bahawa sehingga sekarang, kegiatan pembuatan tembikar labu sayong secara tradisional di Kuala Kangsar, Perak benar-benar telah terancam dan kini hanya tinggal sebuah keluarga sahaja yang masih mengusahakannya.

2.2 Kesimpulan

Hasil daripada sorotan kajian terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan oleh beberapa sarjana. Kajian terdahulu ini telah sebanyak mungkin pembantu pengkaji dalam mengenalpasti lompongan kajian. Berdasarkan hasil kajian melalui kajian-kajian lepas ini, pengkaji menemui beberapa kajian lepas berkenaan seni persembahan, muzik kompang dan elemen perubahan terhadap warisan tidak ketara. Namun demikian, pengkaji mendapati tiada sebarang bentuk penulisan dibuat berkaitan tajuk yang ingin dikaji iaitu kajian mengenai Perubahan teknik permainan kompang yang tertumpu dalam kalangan pemain kompang di Ipoh, Perak.

Justeru itu, kajian ini akan memberi penekanan terhadap muzik tradisional kompang yang aktiviti permainannya dijalankan di Ipoh, Perak. Rasionalnya, muzik kompang ini mempunyai identitinya yang tersendiri dimana dengan hanya menggunakan sebihi kompang, ia mampu menghasilkan pelbagai rentak melalui penerapan teknik permainan yang pelbagai. Walaupun dahulunya dikenali hanya sebagai paluan iringan tetapi kini muzik kompang dimainkan dalam pelbagai acara atau majlis. Maka, pengkaji akan meneliti dan menganalisis setiap struktur di dalam muzik kompang dan mengambil kira aspek-aspek yang ingin dikenalpasti di dalam kajian ini.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian menerangkan tentang cara sesuatu masalah dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan dalam kajian. Metodologi kajian bertujuan untuk memastikan pengkaji dapat memahami dengan lebih terperinci tentang pengaplikasian kaedah dengan menghuraikan proses yang dilakukan sepanjang kajian berlangsung. Metodologi kajian juga bermaksud penggunaan kaedah saintifik secara formal dan sistematik untuk mengkaji masalah-masalah dalam bidang dan disiplin ilmu yang tertentu serta merancang kaedah dan tatacara kajian yang akan dijalankan.

Menurut Hornby (1985), metodologi kajian merupakan satu set kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ke atas subjek tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur atau proses menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang dapat menyokong sesuatu kajian serta merumuskan apa yang dikaji.

Metodologi kajian juga merupakan perkara yang amat penting dalam melakukan penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan berkualiti. Dengan adanya metodologi kajian, kajian akan lebih teratur dan mendapatkan hasil kajian yang lebih baik serta menyeluruh. Metodologi kajian juga boleh dianggap sebagai perancangan awal ke arah sesuatu kajian itu sama ada dibawa ke arah kejayaan atau sebaliknya.

Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, metodologi yang dirangka adalah melibatkan pemilihan reka bentuk, kaedah kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data dan kerangka konsep atau teori.

3.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk sesuatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Khususnya, rekabentuk sesuatu penyelidikan membincangkan bagaimana untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Rekabentuk merupakan keseluruhan rangka projek penyelidikan yang menyatakan apakah corak jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, daripada mana sumber maklumat boleh didapati dan dengan kaedah apa maklumat boleh diperolehi.

Sekiranya penyelidikan direkabentuk dengan berhati-hati, rekabentuk akan memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan. Reka bentuk kajian ini dibuat dengan cara mengumpulkan maklumat daripada para informen dan responden. Melalui kajian yang bertajuk “Permainan Kompang Di Ipoh Perak: Satu Analisis Perubahan Teknik Permainan” ini, pengkaji telah memilih pendekatan kajian secara kualitatif bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian mengenai rentak dan teknik permainan kompang.

3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah bentuk tindakan sosial dalam aspek penafsiran gaya hidup manusia, menelusuri pengalaman dalam sesebuah adat masyarakat itu seperti menjalankan temuramah, pemerhatian, soal selidik, analisis data visual, teks, sejarah lisan, jurnal dan banyak lagi (Zohrabi, 2013).

Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji mendapat maklumat secara langsung daripada responden atau informen yang ditemuramah. Selain itu, pengkaji akan membuat pemerhatian secara terus bagi melihat tempat latihan, alat muzik kompang serta buku panduan permainan muzik kompang serta bahan kajian berkaitan yang lain.

3.2 Sumber Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder.

3.2.1 Data Primer

Bagi melengkapkan kajian terhadap tajuk yang dipilih, pengkaji telah memilih untuk mengumpul data berkaitan kajian ini melalui kaedah pengumpulan data primer. Melalui kaedah ini, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian melalui beberapa kaedah iaitu pemerhatian dan turut serta, tembual dan kaedah penggunaan kamera dan rakaman.

a) Pemerhatian dan Turut Serta

Bagi mendapatkan maklumat di dalam kajian ini, pengkaji akan menjalankan kajian melalui kaedah pemerhatian. Melalui kaedah ini, pengkaji akan melihat sendiri aktiviti permainan dan latihan kompang yang dijalankan iaitu pengkaji akan menjalankan pemerhatian yang tertumpu di kawasan Ipoh, Perak. Pada pendapat pengkaji, dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji akan lebih memahami dan didedahkan dengan pelbagai teknik permainan kompang yang bermula dari asas sehingga ke pelbagai jenis rentak permainan. Oleh itu, dengan adanya kaedah ini, pengkaji akan dapat menambah maklumat sekaligus ilmu dalam permainan kompang ini.

Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah turut serta iaitu pengkaji akan bersama-sama mempelajari bagaimana untuk bermain sesebuah rentak kompang itu. Kaedah ini bertujuan untuk pengkaji lebih dekat pada skop kajian yang ingin dikaji dan pada masa yang sama memudahkan pengkaji untuk menyesuaikan diri dalam melakukan analisis rentak muzik kompang itu.

b) Temubual

Pengkaji juga akan melaksanakan kaedah secara temubual iaitu dengan menemubual pihak-pihak yang berkaitan dengan objek kajian iaitu muzik kompang. Dalam menjalankan temubual ini, pengkaji akan menemubual responden daripada pelbagai lapisan umur yang bermula daripada golongan tua sehingga muda.

Melalui kaedah ini, pengkaji akan dapat mengenalpasti bagaimana pendapat dan persepsi setiap golongan ini dalam konteks permainan kompang.

c) Penggunaan Kamera dan Rakaman

Pengkaji juga menggunakan kaedah merakam serta mengambil gambar suasana persembahan kompang. Melalui rakaman ini, pengkaji boleh membuat kajian dengan lebih jelas lagi kerana dengan melakukan rakaman pengkaji dapat mengetahui dengan lebih jelas dan tidak ketinggalan apa yang telah dimainkan dan ditemuramah. Gambar yang diambil pula bertujuan untuk dijadikan sebagai lampiran dan bukti pertemuan bersama responden manakala rakaman digunakan untuk disimpan oleh pengkaji dalam membuat laporan dan analisis selanjutnya.

3.2.2 Data Sekunder

Pengumpulan maklumat juga akan dijalankan dengan mengumpul maklumat melalui data sekunder. Kaedah ini merupakan inisiatif dalam mendapatkan fakta kukuh daripada bahan bacaan ilmiah yang boleh dijadikan rujukan pengkaji Data sekunder bermaksud data yang dikumpulkan oleh individu lain sebelum ini atau lebih dikenali sebagai data lepas.

a) Kepustakaan


Kaedah kepustakaan digunakan bertujuan untuk mengumpul dapatan kajian. Kaedah kepustakaan bermaksud penyelidikan yang dijalankan dengan merujuk kepada bahan-bahan bertulis, bacaan ilmiah, penerbitan kerajaan, dokumen lama daripada arkib, laman web, buku, artikel jurnal yang berkaitan dengan seni persembahan kompang. Data yang diperolehi bertujuan untuk menyokong data utama atau primer yang diperolehi melalui kaedah soal selidik. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan ini bagi mendapatkan data sekunder yang membolehkan hujahan disokong.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah mencari bahan bacaan berkaitan seni persembahan kompang, muzik tradisional dan isu perkembangan dan perubahan sesebuah warisan budaya itu supaya dapat dikaitkan dengan isu yang ingin dikaji. Data tersebut telah diperolehi secara atas talian dan juga secara fizikal di perpustakaan yang berdekatan dengan pengkaji seperti perpustakaan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan tersebut telah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan memenuhi setiap keperluan yang diperlukan oleh pengkaji untuk menggerakkan setiap bahagian dalam kajiannya.

b) Kajian daripada Rakaman Video

Selain itu, pengkaji akan mendapatkan data sekunder melalui tontonan daripada rakaman video yang telah dirakam semasa menjalankan kajian lapangan di tempat latihan permainan kompang tersebut. Ini bertujuan untuk memindahkan maklumat yang dirakam ke bentuk penulisan dalam melengkapkan analisis kajian ini.

3.3 Kerangka konsep / teori



3.4 Kesimpulan

Metodologi kajian ini amatlah penting kepada pengkaji kerana ia merupakan titik penentu dalam bagaimana ingin memulakan sesebuah kajian itu. Kesahihan kaedah kajian adalah berdasarkan maklumat yang telah diberikan oleh informen dan responden yang ditemubual. Selain itu, dalam melaksanakan dan menulis sesebuah kajian, ianya haruslah menggunakan maklumat yang boleh dipercayai iaitu menggunakan sumber bahan rujukan yang mempunyai hubungkait bersama objektif kajian. Oleh itu, kajian ini dapat memberikan maklumat yang lebih menarik kepada para penyelidik akan datang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan menjawab dan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada data-data yang telah dikaji. Pengkaji juga akan menyenaraikan semua analisa dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada pengkaji ialah melalui kaedah yang telah disenaraikan. Muzik kompang merupakan alat muzik yang digunakan oleh pedagang Arab untuk menarik perhatian pembeli dengan mengalunkan irama dan rentak pada pukulan kompang. Setelah mengikut arus pemodenan, muzik kompang telah dimainkan oleh para pemuzik untuk pelbagai acara dan banyak pemuzik yang arif dalam bidang muzik mencipta pelbagai rentak pukulan demi menjadikan muzik kompang itu kekal relevan dan lebih sistematik untuk dipelajari oleh para masyarakat yang ingin mempelajari permainan kompang ini.

Pada masa kini, alat muzik ini telah mula diperkenalkan kepada masyarakat dalam pelbagai acara keramaian seperti majlis perkahwinan, majlis berkhatan, majlis yang menjemput tetamu kehormat dan banyak lagi alat muzik kompang juga sangat dikenali di Negeri Perak yang mempunyai kepelbagaian warisan budaya. Kini, permainan alat muzik kompang ini telah diiktiraf oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan muncul pelbagai persatuan yang bergiat aktif dalam bidang muzik tradisional kompang ini demi meneruskan legasi kesenian kompang di Malaysia. Keunikan yang dapat dilihat di dalam persembahan kompang ini sendiri adalah melalui jenis persembahannya. Di dalam

muzik kompang, terdapat pelbagai bentuk persembahan yang diaplikasikan dalam persembahannya demi menunjukkan kerelevanan sesebuah persembahan itu.

4.1.1 Konsep Muzik dalam Persembahan

i. Paluan dan rentak Kompang

Secara asasnya, terdapat tiga teknik paluan digabungkan untuk menghasilkan paduan bunyi yang mantap dan jitu. Tiga kumpulan paluan tersebut dipanggil paluan melalu, menyelang dan meningkah. Paluan melalu merupakan pukulan yang memainkan rentak asas dalam sesuatu persembahan kompang. Ahli yang baru mempelajari muzik kompang akan diajar asas dengan dilatih dan diajar pukulan melalu ini terlebih dahulu sebelum diajar pukulan yang seterusnya. Paluan menyelang pula pukulan yang diselang dengan pukulan melalu. Secara ringkasnya, ia dipukul mengikut rentak melalu terlebih dahulu dengan memainkan rentak silihan atau upbeat kepada paluan melalu. Paluan meningkah pula paluan yang menjadi penghias berbentuk bunga yang agak rancak antara paluan melalu dan menyelang. Ia akan dimainkan oleh ketua atau orang yang mahir dalam sesebuah persembahan kompang. Pukulan ini memerlukan tumpuan yang lebih kerana setiap jenis pukulan atau lagu yang dimainkan mempunyai paluan meningkah yang berbeza.

Tambahan lagi, paluan kompang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu paluan tradisi dan paluan moden ataupun kreatif. Paluan tradisi adalah paluan di mana memukul kompang sambil menyanyi ataupun bersyair dalam versi Arab atau bahasa Melayu klasik. Manakala paluan moden pula ialah paluan kompang tersebut diselitkan dengan gerakan ataupun tarian seperti Kompang formasi. Setiap persembahan kompang terdiri dari tiga

bahagian pukulan iaitu pukulan 'Mula' untuk memainkan sesebuah lagu, pukulan lagu dan pukulan 'Mati' untuk mengakhiri sesebuah lagu. Rentak di dalam muzik kompang juga mempunyai perbezaan dan fungsinya. Kebanyakan rentak yang sering digunakan oleh pemain kompang semasa majlis keramaian iaitu majlis perkahwinan, perarakan menyambut tetamu kehormat ialah rentak bertih. Selain itu, perkembangan rentak kompang telah diperkembangkan melalui rentak yang telah direka oleh para pemuzik kompang. Sebagai contoh, rentak tradisional iaitu yang terbahagi kepada beberapa jenis paluan seperti paluan masri, joget, asli, inang dan zapin. Paluan ini sering dimainkan dalam persembahan kompang formasi dan juga rentak moden yang sering dimainkan sebagai iringan nyanyian lagu seperti lagu Lemak Manis, Salam Sejahtera, Selawat dan banyak lagi. Contoh paluan yang digunakan adalah paluan 2,2, paluan 4,6 dan banyak lagi. Kepelbagaian paluan dan rentak pada muzik kompang ini telah menjadikan muzik kompang kekal unik kerana sering diperkembangkan teknik permainannya supaya tidak kelihatan lapuk ditelan arus permodenan.

ii. Kedudukan atau posisi pemain kompang

Permainan ini dipersembahkan secara beramai-ramai atau secara ansambel. Biasanya dimainkan oleh kira-kira 10 hingga 20 orang. Posisi pemain semasa persembahan kompang adalah sama ada secara duduk atau berjalan sambil berarak. Posisi pemain kompang ini kadang kala berubah-ubah mengikut formasi terutama dalam persembahan kompang pada masa kini. Kedudukan tradisional ini bersifat agak statik tetapi dalam persembahan kompang berformasi, kedudukan pemain bergerak dalam pelbagai posisi untuk menampilkan kelainan dan keunikan kepada persembahan. Kemeriahan persembahan permainan kompang yang lebih segar dan bertenaga menjadi tarikan kepada

generasi muda untuk lebih meminati seni warisan kompang ini.

Permainan kompang lazimnya dimainkan secara berkumpulan dalam keadaan bersila, berdiri atau berarak mengikut keperluannya. Alat muzik kompang digunakan dengan memalu atau menepuk kulit kompang dengan menggunakan bahagian jari-jari atau tapak tangan mengikut rentak. Pemain kompang biasanya akan menggunakan tangan kiri untuk memegang kompang manakala tangan kanan untuk memukulnya tetapi ia juga bergantung kepada kesesuaian dan keselesaan seseorang pemain itu sendiri.

Kejituan dalam kumpulan kompang terbentuk apabila setiap pemain memainkan setiap paluan mengikut pembahagian yang seimbang. Dalam konteks persembahan, kumpulan kompang akan dibahagi kepada beberapa kumpulan mengikut peranan atau jenis paluan masing-masing seperti paluan 'melalu', 'meningkah' dan 'menyilang'. Bunyi yang berlainan dihasilkan dapat menghasilkan kesepaduan dalam sesebuah persembahan kompang.

4.1.2 Pasukan Kompang Noreasy, Ipoh, Perak

Sejarah Awal Penubuhan

Pasukan kompang Noreasy ditubuhkan pada tahun 2010 dan diketuai oleh Encik Mohd Izwan bin Mahadi. Pada awalnya berpusat pasukan ini di Taman Tasek Damai, Kampung Tawas dan mempunyai 10 orang anggota sahaja, tetapi jumlah keahlian telah meningkat dari tahun ke tahun setelah Encik Mohd Izwan sendiri telah dijemput untuk menjadi pelatih kompang secara sambilan di beberapa sekolah menengah di bandar Ipoh. Pada tahun 2011, jumlah ahlinya telah meningkat kira-kira kepada 20 orang ahli yang berumur antara 14 hingga 17 tahun iaitu dalam kalangan pelajar di SMK Raja Chulan, Ipoh, Perak.

Kebanyakan ahli yang menyertai pasukan kompang ini adalah ahli yang sukarela dan berminat untuk mempelajari muzik kompang ini. Daripada minat itu, mereka diajar dengan pelbagai teknik pembelajaran dalam permainan kompang yang bermula daripada asas pukulan kompang seperti melalu sehingga pukulan yang mempunyai bunga di dalamnya. Menjelang tahun 2012, kumpulan kompang Noreasy juga telah menyertai pelbagai pertandingan kompang untuk memberi pengalaman kepada ahlinya dalam menunjukkan bakat mereka. Kumpulan kompang ini menggunakan alat yang biasa digunakan oleh kumpulan kompang lain iaitu kompang dan jidur. Kumpulan ini biasanya membuat persembahan di majlis-majlis perkahwinan. Sebahagian daripada bayaran itu diberi kepada pemain kompang yang bermain pada hari tersebut.



Kelab Kesenian Kompong dan Gamelan Noreasy

Kumpulan kompong Noreasy secara sahnyanya telah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada tarikh 21 Oktober 2014 dan berdaftar pada nama Kompong Gamelan Noreasy kerana kumpulan ini bukan sahaja memainkan kompong tetapi juga menyediakan perkhidmatan gamelan. Kini, ahli kelab ini hampir mencecah 200 orang kerana telah bertapak di beberapa institusi pengajian tinggi di Perak. Penubuhan tersebut telah memberi impak kepada pasukan ini kerana terdapatnya pelbagai permintaan persembahan kompong yang bukan sahaja di negeri Perak malahan juga di luar negeri Perak.

Kesenian pada rentak kompong kumpulan ini dimainkan dengan cara tersendiri dimana menurut temubual bersama Encik Izwan, setiap pukulan itu dinamakan dengan nama yang bernombor seperti 6/9, 7/9, 4/6, 2/2. Menurut beliau, nama bernombor ini mudah diingati oleh para pelajarnya kerana tidak perlu mengingat nama-nama rentak yang panjang. Maka, nama secara bernombor ini lebih ringkas dan mudah diingati. Selain itu, kebanyakan pukulan dan rentak direka sendiri oleh beliau kerana ingin mewujudkan identiti kelab yang tersendiri dan tidak terlalu bergantung pada keaslian rentak tradisi agar dapat menginovasi dan terus relevan.

4.2 Struktur Persembahan dalam Permainan kompang

Di dalam sesebuah persembahan kompang, lazimnya terdapat beberapa struktur persembahan yang perlu diikuti supaya gaya penyampaian sesebuah persembahan itu menjadi lancar dan teratur. Di dalam aspek persembahan kompang, terdapat dua jenis bentuk persembahan yang mempunyai struktur persembahannya yang tersendiri.

i) **Kompang Perarakan**

Kompang perarakan merupakan sesebuah persembahan kompang yang dimainkan secara berarak atau berjalan dari satu tempat ke tempat yang lain. Ia dimainkan untuk mengiringi orang sebagai tanda menghormati mereka. Sebagai contoh, mengiringi pengantin pada hari persandingan mereka, mengiringi tetamu kehormat untuk merasmikan sesebuah majlis itu dan banyak lagi. Pada permulaan persembahan, kompang perarakan ini akan dimulakan dengan selawat ke atas nabi Muhammad SAW yang dibacakan oleh ketua pemain kompang dan kemudian selawat tersebut akan disambut oleh para pemain kompang yang lain. Menurut, Encik Izwan iaitu pengerusi Kelab Kesenian Kompang Noreasy, tujuan selawat ini disampaikan adalah untuk memberi keberkatan di dalam sesebuah majlis itu sebelum kompang perarakan dimainkan. Selawat yang dilafazkan sebanyak tiga kali dan kemudian disambut oleh para pemain juga memberi penanda kepada para pemain kompang untuk bersedia kerana ia juga merupakan isyarat bahawa tetamu yang perlu diiringi itu telah tiba di sesebuah majlis itu.

Setelah selawat dilafazkan dan disambut oleh para pemain kompang, ketua akan menyahut ‘assalamualaikum salam’ yang menandakan paluan kompang dimainkan. Di dalam kompang perarakan, paluan kompang yang dimainkan adalah melalu, meningkah,

menyilang, menyilang keping dan kemudian diiringi bersama pukulan jidur. Pada awalnya, perarakan akan dilakukan secara statik terlebih dahulu dimana pemain akan bermain kompang mengikut satu set pukulan kompang dan kemudian ketua yang berdiri di hadapan akan bergerak dan setelah itu para pemain akan mengikut gerakan ketua yang membawa perarakan kompang tersebut.


Kompang perarakan ini sering dimainkan di pelbagai majlis seperti majlis perasmian, majlis berkhatan dan juga majlis perkahwinan. Kebiasaannya permulaan sebelum kompang dimainkan sememangnya akan dilafazkan selawat keatas nabi dan kemudian mengalunkan nyanyian selawat semasa berarak membawa seseorang. Sebagai contoh, ketika bermain kompang sambil mengiringi pasangan pengantin, para pemain kompang akan menyanyikan lagu selawat perarakan sambil membawa pengantin dan keluarga pengantin di belakang mereka. Perarakan ini tidak mempunyai had jarak atau masa yang ditetapkan kerana ia bergantung pada jarak sesebuah tempat yang ingin diiringi seseorang yang diraikan.

Dalam konteks iringan di majlis perkahwinan, kompang perarakan dimainkan untuk memberitahu tuan rumah dan penduduk sekitar akan ketibaan pengantin. Kebiasaannya, pengantin akan diarak pada jarak 100 ke 200 meter sebelum sampai di tempat persandingan. Pengantin akan berjalan di hadapan diikuti dengan ahli keluarga pengantin. Setelah itu, ketua akan memberi tanda untuk membuat laluan kepada pengantin untuk berjalan kearah tempat persandingan. Setelah melihat pengantin duduk di tempat persandingan, ketua akan memberi isyarat untuk menutup paluan kompang perarakan.

ii) **Kompang Formasi**

Permainan kompang semakin berkembang dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Semkain ramai yang telah mengubah suai persembahan kompang menggunakan idea dan kreativiti masing-masing untuk menjadikan sesebuah persembahan lebih menarik. Maka tercetuslah idea kreatif dalam pelaksanaan kompang formasi. Kompang formasi merupakan elemen persembahan yang diberi nafas baharu dalam seni persembahan kompang di Malaysia. Persembahan ini menggabungkan elemen paluan kompang kreatif bersama tarian di dalam satu persembahan.

Persembahan kompang formasi ini pada awalnya dimainkan hanya bertujuan sebagai pertunjukan dan persembahan dalam bentuk yang lebih kreatif dan menarik, namun kini terdapat inisiatif dalam memartabatkan lagi seni muzik kompang ini iaitu dengan mengadakan pertandingan kompang formasi di pelbagai peringkat di institusi pendidikan.



Persembahan kompang formasi

Sumber : blog rasmi SK Seri Berang

4.3 Perubahan Elemen Persembahan Kompang pada masa kini

Perkataan perubahan sudah semestinya sinonim dengan terma perkembangan. Perkembangan sesebuah warisan itu sememangnya mempunyai perubahan dari zaman dahulu dan kini khususnya dalam aspek warisan tidak ketara. Warisan tidak ketara merupakan amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan atau kemahiran yang dianggap oleh UNESCO sebagai sebahagian daripada warisan budaya sesuatu tempat. Seni persembahan juga dianggap sebagai warisan tidak ketara kerana sesuatu perkara yang dipraktikkan dari dahulu sehingga kini.

4.3.1 Pukulan dan Paluan

Kompang biasanya dimainkan dengan tiga pukulan dan dimainkan secara serentak dalam sesebuah kumpulan. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan yang tersendiri dalam aspek pukulan untuk menghasilkan kepelbagaian rentak dan bunyi yang seragam apabila digabungkan. Terdapat tiga pukulan asas dalam permainan kompang iaitu pukulan melalu, pukulan meningkah atau menyelang dan melanak.

Kompang biasanya dimainkan dengan tiga pukulan dan dimainkan secara serentak dalam sesebuah kumpulan. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan dan tanggungjawab kepelbagaian bunyi dan rentak yang seragam apabila digabungkan. Teknik kawalan, pukulan yang seragam, dan rentak yang betul akan menghasilkan paluan kompang yang menarik dan sedap didengar. Terdapat tiga pukulan asas dalam permainan kompang iaitu pukulan melalu, pukulan meningkah atau menyilang, dan pukulan melanak.

Dalam konteks paluan, persembahan kompang secara asasnya mempunyai tiga kumpulan utama mengikut peranan masing-masing. Berdasarkan pemerhatian persembahan kompang perarakan yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kompang Noreasy, setiap pemain akan dibahagikan kepada beberapa paluan iaitu paluan melalu, paluan meningkah dan paluan menyelang.

Pukulan pertama, iaitu Pukulan Melalu merupakan pukulan asas dalam sesuatu permainan kompang. Ahli baru akan diajar dan dilatih dengan pukulan ini sebelum diajar pukulan lain. bunyi Pukulan Melalu untuk Pukulan Tujuh – Sembilan ialah:

a) Pukulan tujuh- sembilan:

P – Pak (7 x), B – Bum (9 x)

||: P P P P | P P P B | B B B B | B B B B :||



Gambar: cara memegang dan pukulan kompang

Sumber: google

Pukulan ini dibuat secara berterusan sehingga pemain diberikan isyarat untuk menukar rentak atau berhenti. Pukulan kedua yang dikenali sebagai Pukulan Meningkah atau Menyilang merupakan pukulan yang diselang-selikan dengan Pukulan Melalu. Bilangan Pukulan Meningkah sama dengan bilangan Pukulan Melalu. Untuk membezakan antara Pukulan Meningkah dengan Pukulan Melalu, Pukulan Meningkah dimainkan terlebih dahulu dan kemudian diselang selikan dengan Pukulan Melalu.

i) Pukulan Asas (7-9)


Melalu	: P P P P P P P B B B B B B B B B :
Menyelang	: γ P γ P γ P γ P γ P γ P γ P γ B γ B γ B γ B γ B γ B γ B γ B γ B :
Meningkah	: γ P γ P γ P PP γ P γ P γ P BB B B B BB B B B BB :

Kumpulan pertama yang terdiri daripada beberapa orang pemain akan memainkan paluan melalu iaitu paluan asas yang dikhususkan dalam sesebuah persembahan kompang. Selain itu, terdapat juga kumpulan yang memainkan paluan meningkah iaitu rentak berbunga sebagai pelengkap kepada keseluruhan pola paluan dalam persembahan kompang. Seterusnya, kumpulan seterusnya kan memainkan paluan menyelang iaitu paluan yang diselang-selikan dengan paluan melalu. Di samping itu, terdapat pembaharuan dalam paluan yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kompang Noreasy Ipoh iaitu dengan menambah beberapa paluan terbaru yang dikenali sebagai paluan menyelang kepang dan meningkah gantung.

Menyilang kepang	: P γ P γ P γ P γ P γ P γ P γ B P B P B P B P B :
Meningkah gantung	: P P P P P P P B B BB B B B B BB :

ii) Pukulan berarak

Pukulan berarak ialah bentuk lengkap corak irama yang saling berkait dilakukan tanpa bahagian vokal. Ia kerap dilakukan sebagai pembukaan persembahan kompong serta untuk majlis-majlis lain seperti menyambut tetamu yang sangat penting, perarakan perkahwinan, dan berkhatan. Pukulan Berarak adalah terdiri daripada gabungan lima bentuk kecil yang berbeza pukulan, iaitu Pukulan Mula, Pukulan Asas, Pukulan bonus iaitu untuk menunjukkan dinamik dalam kompong perarakan dan kemudian diteruskan dengan pukulan naik 1 dan naik 2 sehingga ketua memberi penanda untuk menutup perarakan dengan pukulan mati. Urutan Pukulan Berarak ialah sentiasa sama. Ia sentiasa dimulakan dengan Pukulan Mula iaitu memperkenalkan karya serta menetapkan tempo untuk keseluruhan karya. Seterusnya, diikuti dengan Pukulan Asas yang diulang beberapa kali bergantung kepada fungsi persembahan. Bilangan kali ia diulang adalah juga diputuskan oleh ketua. Ia dijayakan dengan beberapa ulangan Pukulan Turun. Urutan ini dirapatkan oleh Pukulan Naik sebelum ia berpatah balik ke Pukulan Mula. Pusingan kedua Pukulan Asas juga berulang beberapa kalikali sebelum meneruskan ke bahagian lain. Kitaran lengkap Pukulan Berarak berakhir dengan Pukulan Mati.



Struktur pada gambar rajah tersebut membentuk sesebuah pukulan berarak yang pengulangannya bergantung kepada keluasan jarak kumpulan kompong ke tempat majlis. Pengulangan pukulan ini dapat dilihat melalui pengulangan pukulan bonus yang berfungsi sebagai dinamik iaitu untuk menunjukkan naik dan turun pada pukulan. Bilangan

pengulangan setiap satu pukulan bergantung kepada berapa lama perarakan perlu dimainkan. Dalam sesetengah majlis yang dimainkan perarakan oleh Kelab Kesenian Kompang Noreasy, jumlah ulangan setiap pukulan adalah berbeza apabila rombongan dalam kuantiti yang ramai dan perlu mengiringi mereka dalam jarak ke tempat duduk majlis yang berbeza jauhnya. Dalam situasi ini, kebiasaannya ketua pemain kompang akan menentukan jumlah set bagi setiap pukulan dan memberitahu kepada para pemain serta memberi penanda sewaktu berarak bagi memastikan para pemain fokus sewaktu melaksanakan kompang perarakan.

4.3.2 Pukulan dan lagu

Di dalam sesebuah majlis perkahwinan, biasanya kompang dimainkan dengan perarakan masuk pengantin dan kemudian nyanyian bersama iringan pukulan kompang. Sesebuah nyanyian itu akan dimainkan sama ada ketika berarak dan juga sesudah berarak. Nyanyian lagu bersama kompang mampu mewujudkan keharmonian antara lagu dan rentak pukulan pada kompang kerana di dalam sesebuah lagu yang dinyanyikan, ia akan menggunakan beberapa jenis pukulan untuk mewujudkan elemen kemantapan dalam pukulan dan nyanyian.

Dalam persembahan nyanyian tersebut, terdapat kedudukan yang diguna pakai untuk menunjukkan peranan setiap pemain kompang. Kedudukan pemain kompang akan bermain di dalam bulatan dan kedudukan pemain melalu akan berselang-seli dengan kedudukan meningkah dan melanak. Kedudukan jidur pula ialah di tengah bulatan itu.

Antara lagu yang dimainkan oleh pasukan Kompang Noreasy Ipoh adalah Selawat perarakan, Selawat Salam Sejahtera, Selawat Nabi, Lemak Manis, Selamat Pengantin Baru, Enjit-enjit semut dan banyak lagi. Menurut Encik Izwan iaitu pengerusi bagi Kelab Kesenian Kompang Noreasy Ipoh, beliau mengatakan bahawa pukulan yang digunakan dalam sesebuah persembahan kompang itu masih sama seperti kumpulan kompang lain iaitu menggunakan kaedah Pak (P) dan Bum (B). Namun begitu, terdapat pembaharuan dan penambahan di dalam lagu yang dimainkan untuk menunjukkan keunikan dan identiti kumpulan kompang ini sendiri. Berikut merupakan lagu yang sering dinyanyikan oleh kumpulan kompang tersebut.

i) Selawat Salam Sejahtera

Assalamualaikum, salam sejahtera
Kepada anda semua, moga bahagia
Di hari yang indah lagi mulia
Di pertemuan ini jalinkan kasih sayang
Di hari yang indah lagi mulia
Di pertemuan ini jalinkan kasih sayang
Rapatkanlah ukhuwah ikatan iman
Amalkan sifat terpuji dalam pergaulan
Selawat (selawat) dan salam (dan salam)
Untuk Rasul junjungan tercinta
Semoga (semoga) bersama (bersama)
Mendapat rahmat dari Ilahi

Lagu tersebut sering dinyanyikan oleh Kelab Kesenian Kompang tersebut. Daripada temubual bersama Encik Izwan, beliau menyatakan bahawa lagu ini dinyanyikan untuk memuji-muji Nabi Muhammad SAW. Bagi beliau, lagu-lagu yang berbentuk keislaman ini wajar dinyanyikan di sebuah majlis keramaian kerana ia boleh memupuk keberkatan di dalam sesebuah majlis itu.

ii) Selawat Perarakan

Allahumma solli ala sayyidina Muhammad (ketua)
sallallahu wasallam alaihi (disambut oleh pemain lain)\

Assalamualaikum salam (sebagai penanda 'mula')

Ya Rasulallah

Ya Habibullah

Sat duman saram

Ya Rasul Aini

Maula Ya Maula

Assalamualaikum salam

Selawat perarakan ini dinyanyikan ketika sedang berarak untuk mengiring jemputan. Selawat ini direka khas sendiri oleh Kumpulan Kompang Noreasy sendiri untuk menjadikan perarakan itu lebih hidup dan bukan hanya didengari bunyi kompang sahaja. Menurut Encik Izwan, selawat ini juga menandakan bahawa adanya keramaian di sesuatu kawasan itu.

4.4 Perubahan Elemen Dalam Persembahan Kompang:

ASPEK PERUBAHAN	DAHULU	SEKARANG
Jenis Paluan/ pukulan	<p>Memainkan paluan asas iaitu paluan wajib yang perlu ada di dalam sesebuah persembahan kompang seperti paluan melalu, meningkah dan menyilang. Pada masa dahulu, paluan-paluan ini hanya dimainkan untuk perarakan kompang sahaja yang mempunyai pukulan mula dan penutup.</p>	<p>Terdapat tambahan paluan yang ditambah dalam sesebuah persembahan kompang iaitu persembahan kompang masih menggunakan 3 paluan asas tersebut tetapi telah menambah paluan seperti paluan kepang, meningkah gantung dan menyilang kepang. Selain itu, paluan ini juga dimainkan di dalam persembahan kompang formasi bersama koreografi tarian yang tersendiri.</p>
Rentak	<p>Hanya memainkan beberapa rentak asas seperti rentak masri, joget dan zapin yang dikenali sebagai rentak tradisional.</p>	<p>Kini, rentak-rentak tradisi sering dimainkan untuk persembahan kompang formasi. Terdapat juga tambahan rentak moden yang</p>

		direka khas di dalam persembahan. Contohnya, rentak sabhan, hakka dan banyak lagi.
Lagu	Selawat sering dinyanyikan bersama paluan kompang.	Pembaharuan lagu dapat dilihat apabila terdapat lagu moden yang menyelitkan paluan kompang di dalam lagu seperti lagu Kompang dipalu. Lagu Lemak Manis juga dinyanyikan bersama paluan kompang 2,2.
Tema atau gaya penyampaian lagu	Lagu yang dinyanyikan pada zaman dahulu kebanyakan bertemakan keislaman.	Pada masa kini, penyampaian lagu bergantung kepada suasana sesebuah majlis. Contohnya, pada majlis perkahwinan, lagu Pengantin baru akan dinyanyikan untuk meraikan raja sehari.

4.5 Persepsi Masyarakat terhadap Perubahan Rentak dan Teknik Permainan dalam Persembahan Kompang


4.5.1 Analisis Data

Analisis data melalui data kuantitatif telah diperolehi oleh pengkaji melalui soal selidik secara atas talian yang telah diedarkan melalui beberapa laman sosial. Sebanyak 50 responden telah menjawab soal selidik ini. Kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah meliputi mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Kelantan, masyarakat umum dan komuniti di sekitar Ipoh, Perak mengikut peringkat umur yang berbeza. Responden ini terdiri daripada sosio budaya dan ekonomi yang berbeza.

4.5.2 ANALISIS BAHAGIAN A: (PROFIL PERIBADI)

Bil	Jantina	Peratus (%)
1	Lelaki	42
2	Perempuan	58

Jadual 4.5.2 Peratusan mengikut jantina




Rajah 4.5.2: Peratusan mengikut jantina

Berdasarkan rajah 4.5.2 iaitu mengenai peratusan mengikut jantina yang telah menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada responden, sebanyak 42% yang mewakili responden lelaki iaitu sebanyak 23 orang dan 58% dari responden adalah perempuan iaitu berjumlah seramai 32 orang

Bil	Umur	Peratus (%)
1	Bawah 20 tahun	18
2	21 hingga 30 tahun	51
3	31 hingga 40 tahun	18
4	41 tahun keatas	13

Jadual 4.5.3: Peratusan mengikut umur




Rajah 4.5.3: Peratusan mengikut umur

Berdasarkan rajah 4.5.3 menunjukkan peratusan mengikut umur responden yang telah menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji. Sebanyak 18% responden yang berumur bawah 20 tahun, 51% responden yang berumur dari 21 tahun hingga 30 tahun yang mana ia merupakan peratusan yang paling tinggi mengikut umur responden yang telah menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji.

18% responden adalah terdiri daripada individu yang berumur 31 tahun hingga 40 tahun dan bagi individu yang berumur 41 tahun keatas pula ialah sebanyak 13% sahaja. Keputusan kaji selidik mengikut peratusan umur ini menunjukkan responden adalah terdiri daripada individu dari pelbagai peringkat umur dan telah membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian yang dijalankan.

Bangsa	Bilangan Responden	Peratus (%)
Melayu	46	84
Cina	4	7
India	3	5.5
Lain-lain	2	4

Jadual 4.5.4: Peratusan mengikut bangsa




Rajah 4.5.4: Peratusan mengikut bangsa

Gambar rajah 4.5.4 menunjukkan peratusan mengikut bangsa yang telah menjawab soalan kaji selidik mengenai Persepsi Masyarakat Terhadap Perubahan Rentak dan Teknik Permainan dalam Persembahan Kompang. Sebanyak 84% responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan merupakan peratusan yang paling tinggi yang menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji berbanding kaum-kaum lain.

Seterusnya ialah bangsa Cina iaitu 7 % dan India sebanyak 5.5 %. Bagi bangsa lain-lain pula ialah sebanyak 4 % iaitu yang terdiri daripada kau Iban, Kadazan, Bajau dan sebagainya.

Asal	Bilangan Responden	Peratus (%)
Negeri Perak	28	51
Luar Negeri Perak	27	49

Jadual 4.5.5: Peratusan mengikut asal



Rajah 4.5.5: Peratusan mengikut asal


Gambarajah 4.5.5 menunjukkan peratusan mengikut asal atau lokaliti responden.

Sebanyak 51% responden adalah terdiri daripada penduduk di negeri Perak dan 49% responden pula adalah terdiri daripada individu yang berasal dari luar negeri Perak.

4.5.6 PERSEPSI MASYARAKAT DALAM PERUBAHAN RENTAK DAN TEKNIK PERMAINAN DALAM PERSEMBAHAN KOMPANG

JADUAL 4.5.6 : Jadual persepsi masyarakat mengenai perubahan rentak dan teknik permainan dalam persembahan kompang

SOALAN	JAWAPAN RESPONDEN			
	SETUJU		TIDAK SETUJU	
	Bil. responden	%	Bil responden	%
Pada pendapat anda, adakah perubahan rentak pada paluan kompang telah mewujudkan jurang dalam tradisi persembahan muzik kompang yang asal ?	26	47	29	53
Pada pendapat anda, adakah perubahan rentak pada paluan kompang telah mewujudkan rasa minat dalam kalangan golongan muda untuk mempelajari rentak kompang yang baru ?	55	100	-	-
Adakah kepelbagaian elemen dalam persembahan kompang seperti kompang perarakan dan kompang formasi telah menjadikan persembahan kompang itu kekal relevan sehingga kini?	53	96	2	4
Adakah perubahan teknik permainan dalam muzik kompang pada masa kini telah memudahkan kefahaman pelajar dalam mempelajari muzik kompang?	49	89	6	11



Rajah 4.5.6: Peratusan persepsi masyarakat dalam perubahan rentak dan teknik permainan dalam persembahan kompang

Jadual 4.5.6 dan rajah 4.5.6 telah menunjukkan jumlah peratusan responden yang telah dianalisis dan direkod mengenai borang soal selidik. Bagi penilaian mengenai persepsi masyarakat tentang perubahan rentak dan teknik permainan kompang, soalan 1 yang diajukan kepada responden ialah mengenai adakah wujudnya jurang dalam tradisi permainan kompang setelah berlakunya perubahan rentak pada muzik kompang. Bagi soalan yang diajukan ini 29 orang responden bersamaan 53 % tidak bersetuju dengan soalan yang diajukan dan 26 orang responden bersamaan 47% pula bersetuju dengan soalan yang diajukan. Sebilangan responden yang menjawab setuju ini berpendapat bahawa kewujudan jurang dalam sesebuah persembahan itu sudah sememangnya akan mengubah keaslian muzik itu sendiri tetapi secara tidak langsung ia akan memberi impak dalam pemuliharaan muzik kompang dan dapat memperkembangkan lagi tradisi muzik kompang itu sendiri.

Soalan 2 yang telah diajukan kepada responden ialah mengenai pendapat adakah apabila berlaku perubahan pada rentak muzik kompang itu akan memberi rasa minat kepada golongan muda untuk mempelajari kompang. Berdasarkan kepada soalan yang telah diajukan ini, jawapan tidak setuju telah menunjukkan 0% dan ini menunjukkan keseluruhan responden bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini kerana, terdapat responden memberi ulasan, golongan muda kini berminat untuk mempelajari sesuatu alat muzik itu disebabkan oleh pengaruh elemen rentak muzik yang menarik seperti rentak hip hop, rock dan sebagainya. Maka, daripada muzik kompang juga terdapat golongan muda yang berminat untuk mempelajari alat muzik kompang ini kerana terdapat perkembangan pelbagai jenis rentak yang menarik untuk dipelajari dan tidak tertumpu kepada rentak tradisional sahaja.

Soalan seterusnya pula adalah mengenai kepelbagaian elemen dalam persembahan kompang seperti kompang perarakan dan kompang formasi telah menjadikan persembahan kompang itu kekal relevan sehingga kini. Kebanyakan responden menunjukkan peratusan setuju sebanyak 53 orang bersamaan dengan 94% dan responden yang tidak setuju pula 2 orang bersamaan dengan 4%. Bagi responden yang bersetuju, mereka berpendapat bahawa kepelbagaian elemen dalam persembahan kompang inilah akan menjadikan seni itu kekal relevan kerana ia mempunyai daya tarikan untuk menarik golongan muda untuk menyertai dan mempelajari rentak muzik kompang ini. Selain itu, persembahan kompang pada masa kini dianggap relevan kerana masyarakat tetap akan menjemput persembahan kompang untuk mempersembahkan kompang di sesebuah tempat itu kerana sudah menjadi adat dalam masyarakat melayu.

Soalan terakhir pula menunjukkan 6 orang responden bersamaan 11% tidak bersetuju dan sebilangan 49 orang responden bersetuju dengan pendapat mengenai perubahan teknik permainan telah memudahkan pelajar untuk mempelajari muzik kompang. Beberapa responden yang menjawab setuju, memberi ulasan bahawa pada masa kini, terdapat pelbagai cara untuk mempelajari alat muzik kompang ini kerana terdapat pelbagai platform untuk mempelajarinya.

4.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, muzik kompang ini dikenali sebagai seni persembahan yang memberi hiburan kepada masyarakat dan ia mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri. Oleh itu, warisan tradisi Melayu perlu dipelihara agar generasi akan datang dapat menyaksikan dan mengetahui seni persembahan tradisi Melayu agar tidak pupus. Memang tidak dapat dinafikan, jelas di dalam kajian ini mempunyai pelbagai perubahan dalam aspek rentak permainan kompang yang mewujudkan jurang antara tradisi dan moden tetapi dari sudut positifnya ia telah menarik minat golongan remaja untuk mempelajarinya. Seni persembahan boleh dijadikan kayu pengukur kepada keunikan masyarakat Melayu yang kaya dengan bakat dan kebolehan dalam mempersembahkan sesuatu seni persembahan.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Di dalam bab terakhir ini, pengkaji akan memberi cadangan dan kesimpulan penyelidikan terhadap kajian yang dilakukan. Seseorang pengkaji perlu menyediakan cadangan penyelidikan terlebih dahulu sebelum projek penyelidikan dilaksanakan. Cadangan boleh disediakan secara ringkas atau terperinci mengikut keadaan tertentu. Sekiranya penyelidikan yang akan dijalankan adalah persendirian, cadangan penyelidikan bolehlah disediakan secara ringkas sahaja, sebaliknya jika penyelidikan itu memerlukan peruntukan luar, bantuan kewangan, material dan tenaga cadangan penyelidikan perlulah disediakan dengan terperinci. Tujuan cadangan penyelidikan disediakan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah atau mencari jawapan kepada sesuatu persoalan yang dialami oleh masyarakat bagi memudahkan masyarakat memahami sesuatu perkara dengan jelas.

Pengkaji telah membuat cadangan bagi meningkatkan lagi minat masyarakat khususnya golongan remaja dalam mempelajari alat muzik kompang. Hal ini kerana, daripada kajian yang dilaksanakan, terdapat pelbagai perubahan dalam aspek persembahan yang diterapkan dalam permainan kompang dan ini mungkin menjadikan golongan remaja akan tertarik untuk mempelajarinya. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menghuraikan tentang segala rumusan dan kesimpulan mengenai persembahan kompang ini. Secara ringkasnya, cadangan yang akan diberikan oleh pengkaji diharap dapat menguatkan kepentingan masalah yang dikaji. Malah ianya juga dapat meyakinkan masyarakat, institusi, negara dan organisasi yang berkaitan. Selain itu, cadangan yang diberikan ini benar-benar berguna kepada semua pihak.

5.2 Cadangan

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap Persembahan Kompang Di Ipoh Perak: Satu Analisis Perubahan Rentak Dan Teknik Permainan. Walaupun persembahan kompang ini masih relevan tetapi kerelevanan tersebut hanya berlaku di sesebuah tempat atau kawasan sahaja. Hal ini kerana, tidak semua kawasan mempunyai persatuan kesenian muzik kompang yang bergiat aktif. Maka, terdapat beberapa saranan yang dapat diambil demi kesinambungan dan memastikan persembahan kompang ini kekal relevan untuk masa akan datang.

5.2.1 Individu

Bagi melaksanakan dan menyelesaikan sesuatu cadangan dan masalah, janya hendaklah bermula daripada peringkat akar umbi itu sendiri yang mana bermula daripada individu itu sendiri. Setiap individu tidak kira umur sama ada tua mahupun muda, hendaklah diajar dan dididik dengan menghargai nilai warisan masyarakat dahulu yang kaya dengan nilai moral yang tinggi. Dengan kesedaran yang tinggi mengenai pentingnya memelihara khazanah warisan bangsa supaya tidak luput begitu sahaja. Faktor sosiobudaya yang berbilang bangsa sangat membantu seseorang individu itu untuk terus mengangkat seni warisan kompang ini.

5.2.2 Kerajaan

Kerajaan juga boleh mengadakan program yang melibatkan pertubuhan kebudayaan yang aktif di dalam bidang muzik tradisional seperti muzik kompang dengan mengadakan pertunjukkan di seluruh negara untuk memperkenalkan muzik kompang kepada masyarakat tempatan berbilang bangsa dan memberi peluang kepada mereka untuk cuba bermain alat muzik kompang. Oleh itu, dengan adanya penglibatan pelbagai lapisan masyarakat bermula dari golongan pelajar sehingga pihak kerajaan, bidang muzik tradisional kompang akan memberi impak positif terhadap kelangsungan seni warisan di dalam negara. Keadaan ini juga akan melonjakkan nilai tambah bidang seni dan warisan dalam masyarakat majmuk di tahap yang optimum dan juga meningkatkan permintaan terhadap alatan muzik kompang di masa akan datang.

5.2.3 Kementerian Pendidikan

Mengenengahkan seni warisan di sekolah-sekolah melalui pembelajaran pendidikan muzik dan juga aktiviti kokurikulum juga boleh dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Hal ini juga dapat dilihat, apabila terdapat sekolah-sekolah dan institusi pelajaran tinggi memberi pendedahan dan pembelajaran berkaitan muzik kompang kepada para pelajar dan mengadakan pertandingan paluan kompang dan formasi di pelbagai peringkat. Hal ini kerana, tamadun sesuatu bangsa biasanya dapat dilihat pada warisan seni yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Oleh itu, seni dalam persembahan muzik kompang ini harus dikekalkan.

5.3 Kesimpulan

Kompang merupakan salah satu muzik tradisional yang menjadi seni warisan tradisional masyarakat Melayu. Generasi muda pada hari ini hendaklah terus cakna dalam memelihara kesinambungan seni warisan ini agar tidak lenyap di persada dunia. Pada awalnya, seni muzik tradisional kompang ini hanya dimainkan oleh para pedagang Arab sebagai alat penghibur dan sebagai tanda ketibaan kapal mereka di perairan Selat Melaka.

Muzik kompang ini kemudiannya semakin berkembang dan telah diajar kepada para pembesar di istana dan rakyat jelata. Kini, muzik kompang sering dipersembahkan di mana-mana acara tempatan malahan acara di peringkat antarabangsa seperti dimainkan pada majlis perkahwinan sewaktu pengantin berarak dan bersanding, majlis-majlis keraian Islam seperti Maulidur Rasul dan juga upacara menyambut orang-orang kenamaan dari dalam dan luar negara.

Kompang tidaklah hanya sekadar warisan bangsa Melayu, namun alat muzik tradisional kompang juga merupakan warisan negara kita sendiri iaitu Malaysia. Hal ini kerana, seni paluan kompang dapat dijadikan sebagai daya tarikan pelancong di Malaysia iaitu melalui pertunjukan atau pameran mengenai warisan muzik tradisional kompang kepada pelancong asing dan boleh dijadikan sebagai cenderahati kepada mereka untuk dibawa pulang.

Melalui kajian yang dijalankan, jelasnya menunjukkan elemen perubahan yang besar dalam perkembangan persembahan kompang ini khususnya dalam aspek rentak yang dahulunya memainkan rentak tradisi tetapi kini memainkan pelbagai rentak yang diinovasikan.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, F. A. (2017). *Kompang The Malay Drums*. UiTM Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Hakimi Khairuddin, & Zahir Ahmad. (2006). *Perkembangan Persembahan Hadrah Di Tiga Tempat: Pelestarian dan Pembangunan Warisan Seni Budaya Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman, & Tarmiji Masron. (2010). *Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan*. Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 28(2) (2010): 131 - 154.
- Erwan Sulaiman. (2011). *Kompang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freddie Aziz Jasbindar. (2019). *Asal usul dan Sejarah Nama Ipoh*. Diperolehi pada 15 April 2022, daripada <https://www.orangperak.com/asal-usul-dan-sejarah-namaipoh.html>
- Ketut Wisnawa. (2020). *Seni Musik Tradisi Nusantara*. Nilacakra.
- Matusky, P. A., & Tan, S. B. (2017). *Muzik Malaysia: Tradisi, Klasik, Rakyat Dan Sinkretik*. Penerbit Universiti Malaya.
- Md Jais Ismail, Loo Fung Chiat, & Mohd Sham Kamis. (2019). *Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang Kanak-Kanak Menggunakan Pendekatan Euritmik*. Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR), Volume: 2 (_5 [December, 2019] pp. 19 - 31).
- Md Jais Ismail, Loo Fung Chiat, Azu Farhana Anuar, & Rorlinda Yusuf. (2020). *Institutionalising the Kompang for Primary School Students in Malaysia*. International Journal of Innovation, Creativity and Change, Volume 13, Issue 5, 2020.
- Mohd Izwan Mahadi. (2022). Temubual
- Mohd Hassan Abdullah. (2004). *Idiosyncratic Aspects of Malaysian Music: The Roles of the Kompang in Malay Society*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Mohd Hassan Abdullah. (2005). *Kompang: An organological and ethnomusicological study of a malay frame drum*. International Centre for Music Studies The University Newcastle upon Tyne, United Kingdom.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin. (2003). *Muzik Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Mohd Salleh, N. M. & R. Abdullah. (2009). *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Nurfarhana Shahira, & Rosly Mohd Sharifudin Yusop. (2014). *Analisis Interpretasi Lirik Dabus Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Di Bagan Serai Perak*. Journal of Business and Social Development Volume 2 Number 1, March 2014: 19-29.
- Perbezaan antara Data Primer dan Sekunder dengan Cara Perbandingan. (2019). Diperoleh pada 22 Jun 2022 daripada <https://ms.weblogographic.com/differencebetween-primary>
- Raja Iskandar bin Raja Halid (2009). *Orang Kalur - Musicians of the Royal Nobat of Perak*. Diperoleh pada 4 Jun 2022 daripada https://www.academia.edu/204812/Orang_Kalur_Musicians_of_the_Royal_Nobat_of_Perak.
- Rozimah Bidin. (n.d.). *Pengaruh Alam Dalam Ungkapan Lagu Dabus*. Jurnal Seni & Budaya, Ideology Journal, 2 (1). pp. 23-32. ISSN 2550-214X.
- Siti Mazni Shafie. (2007). *Penggunaan Kompang Dalam Majlis Adat Istiadat Masyarakat Melayu Negeri Perak*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Nor Hashim, N. S. (2013). *Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi*. Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Diperoleh pada 26 April 2022 daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MJM/article/view/647>.
- Syed Mahadzir. (2010). *Kompang Jawa*. Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- Unknown. (2013). *Asal Usul Kompang*. Diperoleh pada 15 April 2022 daripada <http://birokebudayaanipgksm.blogspot.com/2013/04/asal-usul-kompang.html>
- Unknown. (n.d.). *Sejarah Ipoh*. Diperoleh pada 15 April 2022 daripada <http://perancangbandar.mbi.gov.my/index.php/en/warisan/sejarah-ipoh>
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, & Ab Samad Kechot. (2011). *Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu (National Heritage Act, 2005: a Review)*, *Jurnal Melayu*, 8. pp. 173-188. ISSN 1675-7513.
- Zohrabi, Mohammad. (2013). *Mixed Method Research: Instruments, Validity, Reliability and Reporting Findings*. Theory and Practice in Language Studies. 3. 10.4304/tpls.3.2.254-262.


LAMPIRAN (KAJIAN PEMERHATIAN DAN TURUT SERTA)



Gambar: Kelas latihan kompang di SMK Dato' Ahmad Said, Ipoh



Sesi temubual bersama penggiat kompang, Encik Mohd Izwan



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BORANG SOAL SELIDIK

PERSEPSI MASYARAKAT DALAM PERUBAHAN RENTAK DAN TEKNIK PERMAINAN DALAM PERSEMBAHAN KOMPANG

Tuan/Puan

Saya Siti Nooralia binti Zainal, pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan, Bachok (UMK). Bagi memenuhi tugas penilaian Projek Tahun Akhir, saya sedang menjalankan kajian bertajuk Persembahan Kompang di Ipoh, Perak: Satu Analisis Rentak dan Teknik Permainan. Soal selidik ini dijalankan untuk mengkaji seni persembahan kompang dalam aspek perubahan rentak, teknik permainan dan struktur persembahan. Soalan yang ditanyakan adalah untuk tujuan penyelidikan sahaja. Kesudian pihak tuan/puan untuk menjawab soalan ini, didahulukan dengan ucapan terima kasih.

* Required

PERSEPSI MASYARAKAT DALAM PERUBAHAN RENTAK DAN TEKNIK PERMAINAN DALAM PERSEMBAHAN KOMPANG

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. JANTINA *

Mark only one oval.

- Lelaki
 Perempuan

2. UMUR *

Mark only one oval.

- 20 tahun ke bawah
 21 - 30 tahun
 31 - 40 tahun
 41 tahun keatas

3. BANGSA *

Mark only one oval.

- Melayu
- Cina
- India
- lain-lain

4. ASAL *

Mark only one oval.

- Perak
- Luar Negeri Perak

BAHAGIAN B: SOALAN

5. Pada pendapat anda, adakah perubahan rentak pada paluan kompang telah mewujudkan jurang dalam tradisi persembahan muzik kompang yang asal ?
Kemukakan ulasan anda di ruangan 'other' *

Mark only one oval.

- Setuju
- Tidak setuju
- Other: _____

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

6. Pada pendapat anda, adakah perubahan rentak pada paluan kompang telah mewujudkan rasa minat dalam kalangan golongan muda untuk mempelajari rentak kompang yang baru ? *
- Kemukakan ulasan anda di ruangan 'other'

Mark only one oval.

- Setuju
- Tidak setuju
- Other: _____

7. Adakah kepelbagaian elemen dalam persembahan kompang seperti kompang perarakan dan kompang formasi telah menjadikan persembahan kompang itu kekal relevan sehingga kini? Kemukakan ulasan anda di ruangan 'other' *

Mark only one oval.

- Setuju
- Tidak setuju
- Other: _____

8. Adakah perubahan teknik permainan dalam muzik kompang pada masa kini telah memudahkan kefahaman pelajar dalam mempelajari muzik kompang? Kemukakan ulasan anda di ruangan 'other' *

Mark only one oval.

- Setuju
- Tidak setuju
- Other: _____

MALAYSIA

This content is neither created nor endorsed by Google.

KELANTAN